

Hujan lebat jejakkan 26 kampung, 60 keluarga dipindahkan

# Langkawati dilanda banjir kilat

Oleh **ZARINA MD. HASHIM**  
pengarang@utusan.com.my

**LANGKAWI** 4 Julai - Hujan lebat sejak semalam mengakibatkan sebanyak 26 kampung di pulau ini dilanda banjir kilat.

Antara kampung terlibat adalah Kampung Limbong Putra, Kampung Atas, Kampung Bawah, Kampung Titi Changkung dan Kampung Bukit Kemboja.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Che Ahmad Che Noor berkata, sehingga pukul 5 petang semalam, sebanyak 60 keluarga memabitkan 152 orang dipindahkan ke dua buah pusat pemindahan.

Menurut beliau, sebanyak 43 keluarga dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara Dewan Al-Syifa dan 17 keluarga dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang.

Katanya, terdapat empat keluarga yang enggan berpindah ke pusat

pemindahan menumpang di rumah saudara mara dan dua keluarga tidak berpindah.

“Setakat ini dua pusat pemindahan sementara dibuka. Bagaimanapun sekiranya tiada hujan pada malam ini, kesemua mangsa banjir ini akan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing,” katanya hari ini.

Menurut beliau, paras air Sungai Melaka di Padang Matsirat pula naik ke paras berbahaya dengan limpahan empangan memasuki kawasan pasar awam menyebabkan pasar tidak dapat beroperasi.

“Jalan besar dan Pasar Awam Padang Matsirat di sini terpaksa ditutup berikutan air dari empangan memenuhi kawasan berkenaan. Orang ramai yang melalui jalan berkenaan terpaksa berpatah balik demi keselamatan,” katanya.

Che Ahmad berkata, banjir ini mungkin disebabkan hujan yang terlalu lebat dan melebihi jangkaan.



**PENDUDUK** di Taman Wawasan, Titi Changwang, Ulu Melaka berpindah selepas rumah mereka dinaiki air di Langkawi, semalam.